

02 NOV 2002

Asean-Mahathir/I

MAHATHIR TUNGGAK DALAM MEMBINA ASEAN, KATA SEVERINO

Oleh: Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 2 Nov (Bernama) - Setiausaha Agung Asean Rodolfo Severino

hari ini menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "tunggak" dalam perkumpulan serantau itu dan seorang pemimpin yang memiliki "ketabahan"

untuk melakukan yang terbaik bagi Malaysia.

"Saya telah lama mengenali Dr Mahathir dan saya sentiasa menghormati

beliau kerana beliau mempunyai idea yang jelas mengenai apa yang baik bagi

negaranya dan ketabahan yang diperlukan untuk menjalankan dasar-dasar yang

beliau fikir adalah baik untuk negaranya," kata Severino semasa ditemui

pada mesyuarat pegawai-pegawai kanan Asean menjelang Sidang Kemuncak Asean

Ke-8 yang akan bermula di sini pada Isnin.

Diplomat itu diminta memberikan pandangannya mengenai Dr Mahathir yang

telah menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan sebagai perdana menteri

selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur

pada Oktober tahun depan.

Severino berkata Dr Mahathir telah mempamerkan kepimpinan yang berkualiti dan telah melakukan "tugas cemerlang" dalam menggalakkan perpaduan di kalangan penduduk berbilang kaum Malaysia.

Severino, yang berkhidmat bagi tahun terakhir sebagai setiausaha agung

Asean, turut menyangkal satu soalan daripada seorang wartawan Australia

bahawa Dr Mahathir sering membantah bagi peluasan Asean.

Beliau berkata Dr Mahathir adalah penggerak utama bagi peluasan Asean,

termasuk dalam membawa masuk Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam.

Wartawan itu kemudian mengemukakan soalan sama ada Dr Mahathir akan

bersetuju dengan sidang kemuncak Asean+Australia.

Severino berkata penganjuran mesyuarat seumpama itu bukannya diputuskan

oleh Asean.

Sidang Kemuncak Asean di sini akan disusuli dengan sidang kemuncak

bersama Asean+3 dengan China, Jepun, Korea Selatan serta sidang kemuncak

berasingan dengan setiap negara yang turut serta dan juga India.

Severino berkata mesyuarat peringkat tinggi seumpama itu merupakan satu petunjuk akan dasar Asean yang mahu bekerjasama dengan jiran-jirannya, terutamanya tiga negara Asia Timur berkenaan.

Beliau juga berkata perbincangan telah diadakan bertahun-tahun lamanya mengenai bagaimana untuk menggalakkan rangkaian perdagangan dan pelaburan Asean dengan Australia dan New Zealand.

-- BERNAMA

MAM ZMN AFY RHM